

**MSWG****MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

18 Dis 2015

## PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

### **MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD (“MRCB”)**

MRCB akan mengadakan tiga (3) Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 21 Disember 2015 untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi yang berikut:

1. Cadangan penempatan persendirian sehingga 493,019,758 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu dalam MRCB, mewakili sehingga dua puluh peratus (20%) daripada modal saham terbitan dan berbayar MRCB (“Cadangan Penempatan Persendirian”);
2. Perjanjian Penswastaaan yang dibuat antara Rukun Juang Sdn Bhd (anak syarikat 85% milik MRCB Land Sdn Bhd, yang juga merupakan anak syarikat milik penuh MRCB), kerajaan Malaysia (yang diwakili oleh Kementerian Belia dan Sukan) dan Syarikat Tanah Dan Harta Sdn Bhd berkaitan dengan kerja-kerja pengubahsuaian dan menaik taraf kemudahan yang terletak di Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil, Kuala Lumpur dengan jumlah bayaran kontrak sebanyak RM1,631,880,000 (“Cadangan Penswastaaan”); dan
3. Kontrak Pengurusan antara Kwasa Utama Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Kwasa Development (1) Sdn Bhd) (“KUSB”) dan MRCB bagi melantik MRCB sebagai kontraktor pengurusan berkaitan dengan pembangunan dan pembinaan pembangunan komersil yang dinamakan Kwasa Utama di atas sekeping tanah milik KUSB berukuran 29.82 ekar yang dikenali sebagai Plot C8 (sebahagian daripada lot 85112) Kwasa Damansara, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Seksyen U4, 40160 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dengan bayaran kontrak sementara berjumlah RM3,145,493,294 dibayar secara tunai (“Cadangan Pembinaan”).

*[Sumber: Pengumuman MRCB di laman web Bursa Malaysia pada 4 Disember 2015]*

### **KOMEN MSWG:**

Kami telah membangkitkan beberapa isu yang menjadi perhatian mengenai Cadangan Penswastaaan (perenggan 2 di atas), antara lain termasuk yang berikut:

1. Bagaimanakah MRCB akan menampung perubahan dalam jumlah kontrak itu sekiranya ia melebihi nilai yang dipersetujui iaitu 92.5 ekar dan lebih kos luar jangka dan risiko spesifikasi yang terlibat sekiranya ada kelewatan yang tidak dijangka oleh pihak Kerajaan?
2. Penggearan Kumpulan MRCB akan meningkat daripada 1.86 kali kepada 2.09 kali selepas Cadangan Penswastaaan kerana Kumpulan hanya akan diberikan pampasan tanah dan bukan

wang tunai. Butiran berkenaan pembayaran balik modal untuk pinjaman bank yang berkaitan Cadangan Penswastaan perlu dimaklumkan kepada para pemegang saham.

3. Latar belakang Rasma Contractors, serta peranan, kemampuan dan kesesuaiannya untuk melaksanakan Cadangan Penswastaan tidak dinyatakan di dalam Surat Pekeliling. Bagaimanakah MRCB akan melaksanakan cadangan penswastaan selain daripada Rasma Contractors di bawah nama Rajahal Bena Sdn Bhd dengan kepentingan ekuitinya sebanyak 15% dalam RJSB? Adakah Rasma Contractors, dengan apa cara sekalipun, akan dikekang secara tidak sengaja dengan isu pembiayaan dalam aku janjinya?

Ahli Lembaga Pengarah MRCB perlu menjelaskan dan memberi maklumat lanjut mengenai Cadangan Penswastaan kepada pemegang saham bagi membolehkan mereka menilai dan membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak Cadangan Penswastaan dan EGM itu.

#### ***DRB-HICOM BERHAD (“DRBH”) / POS MALAYSIA BERHAD (“POSM”)***

Lembaga Pengarah POSM mengumumkan penerimaan tawaran bersyarat seperti yang digariskan dalam surat tawaran oleh DRBH kepada POSM bertarikh 10 Disember 2015, tertakluk pada keputusan/ penemuan pelaksanaan usaha wajar yang dijalankan oleh POSM dan pelaksanaan Perjanjian Jual Beli dalam Tempoh Eksklusif (seperti yang ditakrifkan di bawah).

Perjanjian Jual Beli, yang mana terma dan syarat yang dipersetujui bersama oleh pihak yang berkenaan, hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada penerimaan tawaran atau mana-mana tempoh lain yang dipersetujui bersama (“Tempoh Eksklusif”).

Cadangan pengambilalihan keseluruhan modal saham terbitan dan berbayar KL Airport Services Sdn Bhd (“KLAS”) dan sebahagian daripada sebidang tanah industri pegangan bebas yang terletak di Seksyen 28, Shah Alam yang dipegang oleh DRBH (“Tanah Seksyen 28”) akan tertakluk pada, antara lain, kelulusan oleh para pemegang saham POSM pada mesyuarat agung luar biasa yang akan diadakan.

Pengumuman terperinci mengenai cadangan pengambilalihan KLAS dan Tanah Seksyen 28 akan dibuat semasa penetapan akhir terma dan syarat transaksi dan pelaksanaan Perjanjian Jual Beli.

*[Sumber: Pengumuman POSM di laman web Bursa Malaysia pada 16 Disember 2015]*

#### **KOMEN MSWG:**

Mengikut keputusan suku tahunan terkini DRBH, nisbah semasa Kumpulan DRBH ialah 0.5 kali yang mungkin menunjukkan kedudukan kewangan Kumpulan akan bermasalah. Kami berharap penjualan sesetengah aset dan pembayaran pinjaman jangka pendek tertentu oleh Kumpulan DRBH akan meningkatkan nisbah semasa kepada tahap yang ideal iaitu sekurang-kurangnya 1 kali.

---

# Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)  
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)  
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)  
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)  
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

## **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
- 

## Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

## **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*